



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)

Email: kp@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA DARIPADA

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

KEPUTUSAN SAMPEL DARAH BABI BERKENAAN PENYAKIT JAPANESE ENCEPHALITIS DI PULAU PINANG

Susulan dari kejadian 2 kes disahkan jangkitan Japanese Encephalitis (JE) pada manusia di Pulau Pinang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil sebanyak 181 sampel darah babi dalam lingkungan 1 km dari foci Sek. Keb. Kg. Selamat, Pulau Pinang bagi pengesanan virus JE. Keputusan makmal menunjukkan semua sampel adalah negatif keatas virus JE.

Pengambilan sampel bagi fasa kedua telah dijalankan melibatkan 295 sampel darah Babi , 132 sampel darah spesis lain iaitu 49 ekor lembu, 45 ekor kuda, 29 ekor kambing, 2 ekor bebiri, 3 ekor ayam, 3 ekor itik dan 1 ekor kucing. Sehingga 23 Julai 2014 keputusan ujian makmal mendapati 295 sampel darah babi dan 132 sampel darah dari ternakan lain adalah negatif virus JE.

Survelan Klinikal turut dijalankan keatas ladang babi dan ladang-ladang ternakan lain bagi mengesan tanda-tanda jangkitan JE. Sehingga 23 Julai 2014 Sebanyak 108 ladang babi iaitu 68 ladang babi (Pulau Pnang), 36 (Melaka), 2 (kedah), 1 (Pahang),1 (Negeri Sembilan) dan 15 ladang ternakan lain telah dilawati. Hasil pemeriksaan mendapati tiada tanda-tanda jangkitan JE seperti keguguran dan gangguan saraf dikesan pada ternakan babi, manakala ternakan lain juga tidak menunjukkan tanda- tanda jangkitan JE.

Ladang-ladang yang telah mendapat keputusan negatif boleh beroperasi seperti biasa. Walau bagaimanapun, adalah dinasihatkan agar semua penternak mengetatkan biosekuriti ladang dan menghadkan pergerakan ternakan keluar dan masuk bagi mengelakkan penyebaran penyakit. Di samping itu, diingatkan sekali lagi agar kebersihan persekitaran ladang sentiasa dijaga bagi mengelakkan pembiakkan nyamuk.

DVS, Putrajaya

28 Julai 2014